

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- a) adakah Kementerian bercadang untuk memberi peranti secara percuma kepada pembeli atau peraih getah bagi mengakses sistem online subsidi getah; dan
- b) apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan harga getah dan memastikan tuntutan harga getah tidak berlapis-lapis supaya para penoreh mampu mendapat hasil yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan akan terus memelihara kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- a) Lembaga Getah Malaysia (LGM) sedang melaksanakan projek untuk memperkenalkan kaedah merekod transaksi jual beli getah secara elektronik di mana pihak peraih yang terpilih dalam projek tersebut dibekalkan dengan sistem peranti untuk kemudahan merekod. Untuk makluman, projek ini masih di peringkat perintis dan hanya akan diperkenalkan di peringkat nasional setelah selesai peringkat perintis dan diterima pakai oleh pembeli. Kementerian belum lagi bercadang untuk memberikan peranti secara percuma memandangkan pembelian peranti oleh pembeli akan memberi penjimatan dari segi kos operasi dan masa. Penggunaan sistem secara dalam talian (*online*) akan memudahkan sistem merekod transaksi jual beli.

Tuan Yang Di-Pertua,

- b) Langkah untuk memastikan rantai jualan (peraih) tidak berlapis agar penoreh getah mampu mendapat hasil lebih tinggi adalah seperti berikut:
- i. penjualan terus kepada koperasi melalui Mekanisma Penetapan Harga Di Ladang. Pihak koperasi boleh memberi harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana pihak koperasi berurusan secara terus dengan kilang pemproses secara pukal. Sehingga kini sebanyak 19 koperasi terlibat dalam urusan getah dan menawarkan harga pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram *cuplump* lebih tinggi berbanding pembeli getah. Penglibatan koperasi akan menggalakkan lagi pelesen-

SOALAN NO : 14

pelesen yang berdekatan bersaing untuk memberikan harga yang sepadan. Koperasi yang terlibat adalah di bawah pemerhatian LGM dan adalah disaran agensi-agensi lain yang terlibat dengan pembelian getah seperti RISDA, FELDA, FELCRA mengamalkan pendekatan yang sama.

- ii. LGM telah memperkenalkan sistem belian secara atas talian MyROL dan telah digunakan oleh empat pusat pembelian getah secara berkelompok. Harga yang ditawarkan oleh pusat pembelian ini melalui sistem ini adalah lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana capaian kepada pembeli lebih meluas. Pendekatan ini juga membolehkan penjualan getah oleh kelompok pekebun kecil secara terus kepada kilang pemprosesan getah bagi mengurangkan lapisan penjualan getah. Program ini juga disaran untuk digunapakai oleh pusat-pusat penjualan getah yang lain.

Sekian terima kasih.